

17 MAY 2004

Parlimen-Anggota

DEWAN RAKYAT SAKSIKAN GABUNGAN MUKA BARU DAN LAMA

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Acara mengangkat sumpah anggota Dewan Rakyat di bangunan Parlimen hari ini menyaksikan gabungan muka baru dan lama selepas pilihan raya umum ke-11 pada 21 Mac lepas.

Sungguhpun baru kebanyakan daripada mereka berpengalaman dalam pelbagai bidang termasuk sebagai anggota Dewan Undangan Negeri (DUN).

Berbekalkan pengalaman yang ada sudah pasti ia dapat digunakan sebaik mungkin dalam meneruskan khidmat kepada rakyat dan negara selain menjadikan persidangan dewan rakyat kali ini lebih aktif dan berkesan lagi.

Antara muka baru yang menjadi anggota Parlimen ialah Menteri Belia dan Sukan yang juga Ketua Puteri Umno Datuk Azalina Othman Said, bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Datuk Dr Hilmi Yahaya yang kini sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan.

Selain itu ialah bekas setiausaha politik kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Datuk Johari Ibrahim yang kini menjadi Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri dan juga Datuk Dr Mashitah Ibrahim.

Azalina yang juga Anggota Parlimen Pengerang, Johor semasa ditemui Bernama di lobi bangunan Parlimen berkata sebagai anggota parlimen beliau berharap lebih banyak perbahasan yang berkualiti dapat dibuat oleh semua anggota parlimen pada persidangan kali ini.

"Anggota Parlimen tidak sepatutnya bersikap emosional semasa menjalankan tugas sebaliknya mereka perlu sedar bahawa mereka ada tugas lebih berat lagi untuk dibuat selepas dipilih oleh rakyat," katanya.

Bagi Anggota Parlimen Balik Pulau, Dr Hilmi pula, ini merupakan pengalaman baru kepadanya yang sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) selama tiga penggal berturut-turut bagi kawasan Teluk Bahang, Pulau Pinang.

"Suasana di sini amat berbeza kerana ia lebih mencabar dan ini merupakan cabaran baru bagi saya. Saya yakin dengan mendapat sokongan semua pihak saya dapat menjalankan tugas," katanya.

Berlainan sekali dengan tugas sebagai setiausaha politik kepada Tun

Mahathir, Johari kini Anggota Parlimen Parlimen Kubang Pasu, Kedah yang dimenangnya pada pilihan raya umum lepas.

Johari berkata sebagai Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri tugasnya kini lebih berat.

"Pengalaman sebagai setiausaha politik akan saya gunakan sebaiknya untuk berkhidmat kepada rakyat. Anggota Parlimen perlu mengikut peredaran masa dan sentiasa perlu bersedia untuk menghadapi apa saja cabaran," katanya.

Beliau berkata anggota Parlimen membuat kerja rumah sebelum hadir ke Parlimen supaya perbincangan dalam pelbagai isu menjadi lebih baik dan mantap.

Seorang lagi muka baru iaitu Anggota Parlimen Parit Sulong, Johor Syed Hood Syed Edrus berterima kasih kepada kepimpinan negara kerana memberi peluang dan kepercayaan kepada golongan muda untuk berkhidmat sebagai wakil rakyat.

Katanya pengiktirafan itu memberi peluang kepada generasi muda untuk turut menabur bakti kepada rakyat dan negara selain menimba pengalaman.

Anggota Parlimen Baling, Kedah, Mashitah pula berkata penambahan anggota wanita dalam Dewan Rakyat juga memberi lebih banyak peluang kepada mereka untuk berkhidmat kepada negara.

Dewan Rakyat kini mempunyai seramai 22 anggota Parlimen wanita termasuk lima mewakili pembangkang iaitu tiga DAP dan masing-masing satu dari Keadilan dan Pas.

-- BERNAMA
NER AKT BK